

Malay B – Standard level – Paper 1
Malais B – Niveau moyen – Épreuve 1
Malayo B – Nivel medio – Prueba 1

Friday 4 November 2016 (afternoon)
Vendredi 4 novembre 2016 (après-midi)
Viernes 4 de noviembre de 2016 (tarde)

1 h 30 m

Text booklet – Instructions to candidates

- Do not open this booklet until instructed to do so.
- This booklet contains all of the texts required for paper 1.
- Answer the questions in the question and answer booklet provided.

Livret de textes – Instructions destinées aux candidats

- N'ouvrez pas ce livret avant d'y être autorisé(e).
- Ce livret contient tous les textes nécessaires à l'épreuve 1.
- Répondez à toutes les questions dans le livret de questions et réponses fourni.

Cuaderno de textos – Instrucciones para los alumnos

- No abra este cuaderno hasta que se lo autoricen.
- Este cuaderno contiene todos los textos para la prueba 1.
- Conteste todas las preguntas en el cuaderno de preguntas y respuestas.

Teks A

Permainan rakyat



Permainan Congkak



Permainan Batu Seremban

- 1 Zaman kanak-kanak merupakan zaman yang paling menggembirakan. Ketika inilah hidup seseorang itu dipenuhi dengan kegiatan yang menyeronokkan dan dapat memberikan kepuasan seperti bermain. Jika kita lihat dan hayati, pada zaman kanak-kanak ini banyak aktiviti dilakukan dalam mencipta corak permainan yang sesetengahnya menjadi permainan warisan bagi masyarakat Melayu.
- 2 Permainan rakyat ialah permainan yang dimainkan oleh semua golongan masyarakat, iaitu dari peringkat kanak-kanak sehinggalah peringkat dewasa. Banyak permainan rakyat yang dapat kita lihat sehingga hari ini seperti wau, batu seremban, congkak dan sebagainya. Jenis-jenis permainan inilah yang memberikan identiti kepada masyarakat Melayu, bahawa kita mempunyai warisan permainan yang masih dapat dikekalkan sehingga hari ini. Permainan rakyat yang begitu unik mempamerkan budaya masyarakat dan mempunyai nilai-nilai kehidupan, keindahan, sosial dan gambaran minda masyarakat.
- 3 Jika kita meneliti setiap permainan warisan ini, kita akan dapati bahawa setiap permainan itu mempunyai maksud dan tujuan yang tersendiri. Kalau dahulu, masyarakat memainkan permainan itu hanya sebagai satu aktiviti untuk mengisi masa yang terluang setelah menghabiskan masa yang lama untuk mencari rezeki seperti bercucuk tanam dan menangkap ikan.
- 4 Namun setiap [- X -] itu sebenarnya mengajar kita untuk berfikir, bertanding dan mencari [- 7 -] yang terkandung di dalamnya. Generasi [- 8 -] memainkan peranan untuk mengenali dan [- 9 -] setiap jenis permainan yang diwarisi [- 10 -] masyarakat dahulu.
- 5 Selain itu, permainan ini juga mempunyai peranan yang tersendiri, iaitu sebagai alat perhubungan yang berlaku secara tidak langsung. Salah satu contoh yang menunjukkan permainan yang meningkatkan interaksi ini ialah permainan batu seremban dan congkak. Permainan ini seronok dimainkan oleh beberapa pemain dan boleh dimainkan oleh pelbagai umur dan lapisan. Oleh itu, tanpa disedari, interaksi berlaku semasa kita bermain permainan tersebut.

Diubah suai daripada *Permainan Batu Seremban*, Oak Publications (2003)

Teks B

Sabah dilanda gempa



- 5 ❶ KOTA KINABALU: Gempa bumi sekkuat 6.0 pada skala Rikter melanda Sabah di Malaysia pada awal pagi ini, namun tiada kecelakaan dilaporkan sejauh ini. Pusat Gempa Bumi dan Tsunami Nasional menyatakan gempa yang berlaku pada 7.15 pagi itu dirasai di banyak tempat di Sabah, termasuk Ranau, Tambun, Kota Kinabalu dan Kota Belud. Jabatan Meteorologi sedang memantau perkembangan ini. Gempa bumi jarang berlaku di Malaysia, yang terletak di luar Lingkaran Api Pasifik.
- 10 ❷ Difahamkan juga, beberapa kawasan perniagaan termasuk bank dan pejabat kerajaan mengalami keretakan serta cermin pecah berikutan gegaran kuat tersebut. Menurut Berita Harian Online, para penduduk ketakutan dan meninggalkan rumah masing-masing untuk mencari perlindungan, termasuk di lapangan terbang di Kota Kinabalu.
- 15 ❸ Telah dilaporkan bahawa 24 keluarga di dua blok kuarters guru SMK Ranau, ditempatkan buat sementara di dewan sekolah selepas beberapa bahagian blok retak akibat gempa bumi. Keretakan dapat dilihat di tiang utama dan dinding bangunan sejurus selepas gegaran gempa bumi. Beberapa buah kereta yang diletak berdekatan dengan bangunan itu juga mengalami kerosakan kecil akibat ditimpa serpihan konkrit bangunan yang terjatuh.
- 20 ❹ Sementara itu, gegaran susulan berlaku di Ranau pada 9:47 pagi tadi, namun dilaporkan tidak sekkuat gempa bumi pertama. Menurut Berita Harian Online, pegawai awam Pilly Dewi Ros yang menghadiri perkahwinan adiknya di Kota Kinabalu berkata gegaran itu sungguh menakutkan.
- 25 ❺ "Saya terpaksa berpaut pada meja ketika gegaran itu berlaku," katanya.
- 30 ❻ Pengalaman yang sama turut dirasai penyunting Bernama, Nor Hasliza Abdullah, yang sedang bercuti di Kota Kinabalu bersama-sama dengan 11 anggota keluarganya. Mereka sekeluarga menginap di hotel dalam bandar itu.
- 35 ❼ "Tiba-tiba rasa hotel seperti berayun lebih kurang 10 hingga 15 saat. Anak saya terus keluar dari bilik air sambil menjerit. Saya terus menjengah tingkap dan melihat ramai orang lari keluar dari bangunan," ujar beliau. Keadaan itu mencemaskannya walaupun menginap di tingkat satu.
- ❽ Mereka sepatutnya ke Kundasang untuk melawat Taman Kinabalu dan Gunung Kinabalu, tetapi terpaksa membatalkan rancangan itu selepas mendengar berita itu bagi memastikan keselamatan mereka terjamin.



Diubah suai daripada <http://berita.mediacorp.sg> (2015)

Turn over / Tournez la page / Véase al dorso

Teks C

Surat dan fungsi



- 1 Surat ialah alat komunikasi yang menggunakan bahasa tulisan di atas lembaran kertas. Pada masa lalu, bentuk surat sangat sederhana kerana kebanyakan surat merupakan kertas bertulis yang dikirimkan melalui orang tengah atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan penghantaran surat atau barangan.
- 2 Namun, zaman sudah maju dengan pesat dan surat kini banyak dihubungkan dengan alat canggih yang bernama komputer. Penggunaan komputer di anggap lebih baik dalam kegiatan surat-menyurat. Surat yang dihantar di alam maya boleh dipastikan penerimaannya. Ini bererti penghantar surat boleh mengetahui sama ada surat itu telah diterima.
- 3 Walau bagaimanapun tidak banyak orang yang mengerti tentang fungsi surat. Sebenarnya surat dapat membantu kita saling berbicara, bertukar maklumat dan menyampaikan pesan. Kita dapat memberikan atau menerima khabar. Kita juga dapat berbicara dengan panjang lebar dengan tulisan dan biaya yang lebih murah. Ini bererti surat juga boleh mewakili kita ke tempat seseorang yang berada jauh dari kita, dan sudah tentu hal ini dapat mengurangkan kos berkomunikasi menggunakan telefon jarak jauh apa lagi dibandingkan dengan kos pengangkutan untuk harus datang sendiri.
- 4 Dalam dunia perniagaan, surat boleh menjadi bukti tanda terima bagi pengiriman barang, wang atau resit. Surat juga boleh menjadi bukti perjanjian. Pada waktu-waktu tertentu, surat dapat dibaca kembali dan dirujuk sebagai panduan untuk membuat keputusan lebih lanjut. Apabila suatu kunjungan tidak begitu penting untuk sesuatu yang dibicarakan dan tidak harus bertatap muka, maka cukuplah surat menjadi wakil. Dengan demikian, anda akan menjimat waktu, tenaga dan sudah tentu biaya.
- 5 Surat-surat yang dianggap penting sangat harus disimpan. Sebab bukan tidak mungkin suatu saat, surat akan diperlukan lagi untuk dibaca atau dirujuk. Anda mungkin sudah lupa isi atau bunyi surat tersebut. Begitu juga surat dapat berfungsi sebagai bukti sejarah perjalanan dan perjuangan suatu bangsa atau sebagai bukti kegiatan, bagi suatu organisasi, perusahaan atau pertubuhan.

Diubah suai daripada <http://tipsseputarkeluarga.com> (2015)

Teks D

Mendung belum berlalu

- 1 “Sayang, mengapa awak tidak berhenti saja bertugas sebagai jururawat di hospital itu? Bukankah negeri kita ini dilanda wabak SARS*?” rayu Hilal memujuk isterinya, Salina.
- 2 “Apa? Berhenti kata Abang? Berhenti bererti kita berundur dan kalah. Kita tidak berani berkorban pada bila-bila masa masalah melanda negara kita! Saya minta maaf, Bang.
5 Saya tidak mahu berhenti hanya kerana wabak itu,” tegas Salina.
- 3 Hilal benar-benar tidak memahami pendirian isterinya itu. Mengapakah isterinya sanggup memikirkan kepentingan orang lain. Setiap kali dia cuba membuat cadangan tentang pekerjaan jururawat isterinya, pasti isterinya menyanggah. Kalau isterinya berhenti sekalipun, keluarga mereka tidak akan susah. Pendapatannya sebagai jurutera sudah
10 mencukupi untuk membiayai keluarganya empat orang itu. Mereka memiliki sebuah rumah teres dan beberapa unit rumah kondو yang disewakan. Mereka termasuk dalam golongan pertengahan atas. Di Singapura golongan mewah ini kecil.
- 4 Sejak mereka berumahtangga lagi, Hilal tidak pernah melarang isterinya daripada bekerja, asalkan pekerjaan itu sesuai dan tidak berbahaya. Namun, kini penyakit SARS telah
15 menular dan menggugat keselamatan isterinya. Itulah sebabnya Hilal beria-ia sangat mendesak isterinya agar berhenti kerja.
- 5 Penyakit SARS belum ada penawar. Mangsa penyakit ini akan kurang daya ketahanan melawan penyakit. Badan mereka lemah dan boleh membawa maut dalam masa yang singkat.
- 20 6 “Demi keselamatan awak dan anak-anak, awak fikirkan cadangan saya masak-masak. Jika awak belum bersedia untuk berhenti, awak boleh ambil cuti panjang. Sudah tiga orang jururawat menjadi mangsa,” rayu Hilal.
- 7 “Abang masih tidak mengerti dengan pendirian saya. Menjadi jururawat sudah menjadi sebahagian daripada hidup saya. Pekerjaan ini mulia, bang. Oleh sebab jururawat, ramai
25 pesakit yang sembuh. Cuba abang bayangkan kalau semua jururawat berhenti kerja kerana semata-mata takut, apa akan jadi kepada mereka yang sakit di hospital? Tentu lebih ramai yang akan menjadi korban walaupun mereka bukan mangsa penyakit SARS,” tegas Salina.
- 8 Termenung Hilal mendengarkan penjelasan isterinya. Dia bangga dengan semangat isterinya yang sanggup berjuang demi bangsa dan negara. Namun, hatinya tidak dapat menerima risiko kehilangan isterinya, lebih-lebih lagi apabila dia terbaca berita di akhbar
30 tentang kematian seorang doktor yang dijangkiti penyakit SARS. Dia benar-benar berharap agar isteri menerima cadangannya.

Diubah suai daripada Samat Ali, *Di bawah langit tanah pertiwi* (2015)

* SARS: Singkatan bagi Sindrom Pernafasan Akut yang Teruk (Severe Acute Respiratory Syndrome). SARS penyakit berjangkit yang amat berbahaya dan boleh menyebabkan maut dengan cepat.